Pertanika J. Soc. Sci. & Hum. 6(1): 51 - 61 (1998)
ISSN: 0128-7702
© Universiti Putra Malaysia Press

Latihan Sebagai Strategi Pembangunan Mampan: Satu Kajian Kes

MAZANAH MUHAMAD dan
SAIDIN TEH
Jabatan Pendidikan Pengembangan
Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Keywords: Latihan, pengembangan, penyertaan, pembangunan luar bandar, pembangunan mampan.

ABSTRAK

Sikap, pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian diperlukan bagi membolehkan seseorang membangun sesebuah komuniti dan seterusnya mengekalkan pembangunan tersebut. Di Perlok, sebuah kampung di bawah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu Pahang Barat, keperluan ini cuba dipenuhi oleh agensi kerajaan melalui pelbagai program latihan yang merangkumi kedua-dua aspek: pertanian dan bukan pertanian. Penduduk tempatan menyambut baik usaha ini dengan menyertainya dan memanfaatkan apa yang mereka pelajari. Ke arah kesejahteraan hidup yang seimbang dan berkekalan, penduduk masih terus ingin belajar perkara berhubung dengan pembangunan diri dan masyarakat, di samping teknik dan pengurusan ladang.

ABSTRACT

Appropriate attitude, knowledge and skills are required by an individual to develop a community and sustain its development. At Perlok, a village under the Pahang Barat Integrated Agriculture Development Project such needs was effected by the government agency through various agricultural and non-agricultural related training. The local villagers welcomed such endeavor and they have participated and put what they learned into practice. They want to continue learning on matters relating to self and community development as well as farming techniques and management.

PENGENALAN

Selaras dengan matlamat kerajaan untuk membasmi kemiskinan, berbagai-bagai program pembangunan dilaksanakan. Di samping itu, pelbagai langkah diambil untuk memastikan kejayaan sesuatu program. Apakah langkah yang diambil ke arah kejayaan dan keberkekalan sesuatu usaha pembangunan? Artikel ini membincangkan peranan latihan dalam usaha pembangunan di sebuah kampung di Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP) Pahang Barat. Projek IADP dijalankan sebagai langkah kerajaan membangunkan masyarakat luar bandar dan membasmi kemiskinan (Kerajaan Malaysia, 1996).

Berasaskan takrifan "The World Commission on Environment and Development of United Nations" (1987), konsep pembangunan mampan boleh dilihat sebagai satu proses peningkatan keadaan ekonomi dan sosial sesebuah komuniti dan mengekalkan pembangunan itu bagi jangka masa panjang tanpa menjejaskan sumber semula jadi komuniti tersebut. Albertson *et. al* (1993) melihat pembangunan mampan juga sebagai satu pembangunan yang boleh dikekalkan oleh penduduk tempatan. Maksudnya, pembangunan tersebut akan berlanjutan walaupun tanpa input dari luar. Sesuatu usaha pembangunan akan mempunyai lebih potensi untuk dikekalkan jika usaha itu dijalankan sendiri oleh penduduk tempatan (Mazanah dan Saidin, 1996). Ke arah itu, penduduk tempatan memerlukan peluang pembelajaran bagi membentuk sikap dan memperolehi pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian. Peluang pembelajaran adalah satu daripada elemen pembangunan mampan

(Human Development Report, 1992). Peluang ini boleh didapati dalam pelbagai bentuk. Contohnya, Jabatan Pertanian melalui program pengembangannya memberi nasihat dan bimbingan kepada petani. Nasihat dan bimbingan diberi kepada petani dengan membuat lawatan ke ladang mereka dan mengadakan kursus-kursus di pusat-pusat latihan pertanian dan juga di kawasan petani tinggal (Mazanah dan Kamaruzzaman, 1988).

Mengikut Johnston dan Parker (1987 ms. 116), "Asas kekayaan sebenar negara ialah rakyatnya, sumber manusia yang dilambangkan oleh pengetahuan, kemahiran dan motivasi. Pendidikan dan latihan adalah sistem asas di mana sumber manusia sesebuah negara dikekalkan dan dipertingkat." Sesuatu program latihan perlulah menyeluruh dan seimbang antara aspek teknikal (teknologi sesuatu bidang usaha) dengan aspek sosial dan kemasyarakatan. Selain itu, ke arah kesejahteraan hidup, program latihan juga hendaklah sesuai dengan keperluan individu, keluarga dan masyarakat. Jika latihan adalah satu input penting pembangunan, persoalan yang timbul adalah:

1. Adakah peluang tersebut diberikan kepada penduduk tempatan?
2. Bagaimanakah penyertaan mereka dalam program latihan?
3. Mengapa mereka menyertai latihan dan apakah manfaat diperolehi?
4. Apakah saranan lanjut kepada usaha ini?

Artikel ini akan membincangkan persoalan di atas. Ia berasaskan satu penelitian yang dijalankan di Kampung Perlok, Jerantut, Pahang. Kampung ini adalah salah satu kampung yang dibangunkan di bawah projek IADP Pahang Barat.

METODOLOGI

Mengikut Burgess (1984), kesahihan sesuatu kajian boleh dipastikan melalui "triangulation", iaitu penggunaan pelbagai kaedah pengutipan data. Bagi tujuan tersebut, maklumat kajian telah dikumpul melalui tiga kaedah: tinjauan, temu bual terperinci dan pemerhatian. Seramai 27 ketua keluarga di Kampung Perlok telah dipilih secara rawak daripada sejumlah 72 ketua keluarga. Penyelidik telah menemu bual responden dengan menggunakan borang soal selidik berstruktur. Bahagian pertama soal selidik mengandungi soalan berhubung dengan profil responden dan aktiviti yang dijalankan oleh mereka. Responden juga diminta melapor semua kursus/lawatan yang telah mereka hadiri semenjak projek IADP dijalankan pada tahun 1985. Bagi setiap kursus/lawatan yang dilapor, responden ditanya tentang tajuk, tahun dihadiri, penganjur, dan keberkesanan kursus/lawatan tersebut. Di bahagain kedua soal selidik, responden disoal secara lebih terperinci tentang empat daripada kursus/lawatan yang telah mereka hadiri (seperti dilapor di bahagian pertama soal selidik). Soalan yang terkandung di bahagian ini termasuk: bagaimana responden mengetahui tentang kursus/lawatan yang telah mereka sertai, sebab utama mereka menyertai kursus/lawatan, gender majoriti peserta kursus/lawatan, tindakan yang diambil selepas menghadiri kursus/lawatan, dan tindakan susulan oleh penganjur kursus/lawatan. Di bahagian ketiga soal selidik, responden diminta memberi persepsi mereka secara am tentang manfaat kursus/lawatan yang telah diikuti. Data yang diperolehi melalui soal selidik dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan program SPSS untuk Windows.

Mengikut Bogdan dan Biklen (1982), Walker (1985), dan Siedman (1991), maklumat lanjut mengenai sesuatu perkara boleh diperolehi melalui temu bual terperinci. Oleh itu, bagi memahami program latihan di Perlok dengan lebih jelas, penyelidik telah menemu bual secara terperinci sembilan orang informan. Pemilihan informan dibuat secara persampelan 'purposiveí seperti disaran oleh Bogdan dan Biklen (1982) dan Merriam (1991). Tiga orang informan adalah pemimpin kampung, dua pemimpin projek, dan empat orang adalah penduduk biasa. Lima responden lelaki dan empat wanita. Satu set agenda soalan disediakan sebagai panduan temubual. Temu bual direkodkan dalam lapan pita rakaman yang setiap satu panjangnya satu jam. Kesemua kandungan pita telah disalin secara 'verbatimí ke dalam komputer. Proses ini menghasilkan 174 muka surat (langkau sebaris) transkrip. Data ini telah dibaca berulangñulang untuk mendapat bukti bagi menjawab persoalan kajian. Untuk menjaga kerahsiaan, nama sebenar informan tidak digunakan di dalam artikel ini.

Pemerhatian adalah salah satu kaedah yang sesuai digunakan untuk memahami dengan lebih jelas bagaimana sesuatu proses berlaku (Marshall dan Rossman, 1989, Jorgensen, 1990). Oleh itu penyelidik telah membuat pemerhatian pada

satu kursus sehari yang sedang dijalankan di Perlok. Penyelidik juga telah memerhatikan lapan orang ahli kumpulan wanita Perlok membuat sos cili untuk dijual. Teknik pemprosesan mereka pelajari pada kursus yang dijalankan di sana. Data yang dikutip melalui pemerhatian dicatat sebagai nota lapangan.

DAPATKAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini melapor dan membincangkan hasil kajian iaitu aspek profil kawasan kajian dan responden serta perkara berkait dengan penyertaan mereka dalam program latihan seperti: (1) peluang yang diberikan kepada penduduk tempatan, (2) penyertaan mereka dalam program tersebut, (3) sebab penyertaan dan manfaat diperolehi dan (4) saranan lanjut kepada usaha ini.

Latar Belakang Kawasan dan Responden

Kampung Perlok terletak dalam Mukim Ulu Cheka, Jerantut, Pahang. Ia meliputi sebuah kawasan seluas 900 hektar, di mana 380 hektar merupakan kawasan perumahan dan kemudahan awam dan selebihnya adalah kawasan projek pembangunan pertanian. Kampung ini didiami oleh 72 keluarga. Beberapa agensi kerajaan terlibat untuk membantu Perlok membangun. Penglibatan ini menjadi lebih terancang dengan pengwujudan Projek IADP Pahang Barat pada tahun 1985. Projek IADP bertindak sebagai penyelaras bagi kesemua agensi yang terlibat dalam program pembangunan di kampung ini. Agensi tersebut adalah Jabatan Pertanian, Jabatan Perikanan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan, Lembaga Pemasaran Persekutuan (FAMA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) serta Lembaga Pertubuan Peladang (LPP). Aktiviti yang diselaraskan oleh IADP termasuk perancangan dan pelaksanaan projek, pengagihan subsidi input pertanian dan program latihan serta khidmat nasihat untuk penduduk.

Responden yang ditemu bual terdiri daripada 23 lelaki dan 4 wanita. Antara responden lelaki, 22 telah berkahwin dan seorang masih bujang. Responden bujang yang terpilih dianggap sebagai ketua keluarga oleh keluarganya kerana beliau bertanggungjawab menyara ibu dan adik-adiknya semenjak kematian ayahnya. Kesemua responden wanita adalah janda. Pekerjaan utama responden adalah bertani. Bidang usaha responden adalah seperti di Jadual 1. Bidang usaha ini dilaksanakan secara bersendirian dan berkelompok. Di Perlok, terdapat kelompok koko, pisang, buah-buahan, padang ragut (untuk menternak lembu) dan sayur-sayuran.

JADUAL 1
Bidang usaha responden

Bidang usaha	Peratus*
Koko	88.8
Pisang	66.6
Buah-buahan	59.2
Padang ragut	37.0
Ternakan ikan	18.5
Getah	14.8
Padi	11.1

**Peratus tidak boleh dijumlahkan kerana responden terlibat dalam lebih daripada satu bidang usaha*

Purata pendapatan responden ialah RM650 sebulan. Pendapatan ini adalah dalam bentuk tunai yang diperoleh daripada jualan ladang dan sebagainya, tidak termasuk hasil pertanian yang digunakan sendiri.

Program Latihan di Kampung Perlok

Mengikut informan yang ditemu bual, peluang pembelajaran penduduk Perlok diperoleh daripada agensi pembangunan melalui program pengembangan (khidmat nasihat). Program ini menggunakan dua kaedah utama, tunjuk ajar serta nasihat di ladang dan melalui kursus/ lawatan. Program khidmat nasihat melalui tunjuk ajar di ladang selalunya dijalankan secara tidak formal dan melibatkan petani secara individu atau kumpulan kecil. Apa yang dirujuk oleh informan dan responden sebagai latihan pula ialah kursus yang dijalankan oleh agen pengembangan dengan secara lebih formal di suatu tempat tertentu (contohnya di balai raya) yang melibatkan kumpulan besar penduduk. Latihan juga merangkumi lawatan sambil belajar ke suatu tempat/projek. Di dalam artikel ini, perkataan latihan dan kursus/lawatan digunakan untuk merujuk kepada perkara yang sama.

Adakah peluang latihan diberikan kepada penduduk tempatan?

Dalam tempoh yang dikaji, pelbagai latihan dalam bentuk kursus dan lawatan disediakan kepada penduduk Perlok. Kesemua kursus dan

lawatan yang jalankan dianjurkan sepenuhnya oleh agensi kerajaan. IADP merupakan penganjur utama kursus dan lawatan di sini (Jadual 2). Ini diikuti oleh agensi komponennya seperti Jabatan Pertanian.

JADUAL 2
Penganjur kursus dan lawatan

Penganjur	Peratus
IADP	48.1
Agensi Pertanian	
- Jabatan Pertanian	38.5
- FAMA	3.8
- RISDA	1.9
- Jabatan Perikanan	1.9
- Jabatan Haiwan	1.9
Institusi lain	
- INTAN	1.9
- PejabatDaerah	1.9

Mengikut majoriti informan (76.9%), mereka mengetahui tentang kursus/lawatan yang telah mereka hadiri daripada pegawai agensi. Dapatan ini menunjukkan di samping menganjur kursus dan lawatan, pegawai-pegawai agensi sendiri merupakan sumber maklumat utama sesuatu program latihan. Lain-lain sumber maklumat latihan adalah pemimpin tempatan (17.3%), rakan-rakan (3.8%) dan media massa (1.9%).

Bagaimanakah penyertaan penduduk dalam program latihan?

Penyertaan responden didapati berbeza dari tahun ke tahun (Jadual 3). Pada tahun 1995, bilangan responden yang menyertai kursus dan lawatan agak tinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Dari segi jumlah kursus dan lawatan yang telah diadakan pula, tahun 1995 juga menunjukkan angka tertinggi iaitu sebanyak lima. Walaupun tidak terdapat perbezaan yang ketara antara jumlah kursus dan lawatan yang diadakan pada setiap tahun, bilangan responden yang menyertainya pula berbeza. Contohnya, pada tahun 1995 sebanyak lima kursus dan lawatan dijalankan dengan disertai oleh 66.6% responden. Pada tahun 1993 pula, cuma 22.2% responden menyertai empat kursus dan lawatan yang telah dianjurkan pada tahun itu. Perbezaan yang ketara ini disebabkan pada tahun 1995, telah diadakan kursus motivasi yang disertai oleh 48.1% responden.

JADUAL 3
Kursus dan lawatan yang dihadiri responden mengikut tahun

Tahun	Bilangan kursus & lawatan	Peratus menghadiri
1985	1	3.7
1986	3	18.5
1987	1	3.7
1988	2	7.4
1990	2	7.4
1991	4	18.5
1992	2	7.4
1993	4	18.5
1994	4	18.5
1995	5	66.6

Kekerapan menghadiri latihan

Jadual 4 menunjukkan kekerapan responden menghadiri kursus dan lawatan dari tahun 1985 hingga 1995. Dalam tempoh tersebut, kebanyakan responden (44.4%) menghadiri dua kali latihan. Sebilangan besar (89%) responden pernah menghadiri sekurang-kurangnya satu latihan. Hanya 11% responden sahaja tidak pernah menghadiri sebarang kursus/lawatan. Sebab utama yang diberikan oleh golongan ini ialah mereka tidak diundang atau tidak tahu adanya latihan tersebut. Sebab yang sama dikenal pasti oleh Vanaja dan Mazanah (1995) dalam kajian mereka. Dapatan ini menunjukkan pentingnya sistem komunikasi yang baik dalam sesebuah komuniti supaya maklumat tentang kursus dan sebagainya dapat diketahui penduduk keseluruhannya.

JADUAL 4
Kekerapan responden menghadiri kursus dan lawatan dalam tempoh sepuluh tahun

Kekerapan	Peratus
Tidak pernah	11.1
Sekali	18.5
Dua kali	44.4
Tiga kali	14.8
Empat kali dan lebih	11.1

Peserta mengikut gender

Analisis ke atas empat kursus yang dilaporkan secara terperinci oleh responden menunjukan majoriti peserta latihan adalah lelaki (Jadual 5). Dapatan ini adalah berasaskan maklum balas

daripada responden tentang gender majoriti peserta latihan yang dihadirinya. Penyertaan yang tinggi oleh kaum lelaki berbanding dengan wanita adalah kerana kebanyakan latihan yang ditawarkan adalah berhubung dengan teknologi pertanian. Hanya golongan lelaki diundang untuk menyertai latihan yang berhubung dengan teknologi pertanian. Sebagai contoh, kursus Menyimpan Rekod Ladang yang diperhatikan oleh penyelidik cuma dihadiri oleh peserta lelaki. Dapatan ini menunjukkan walaupun golongan wanita turut terlibat dalan aktiviti pertanian, bagi mereka peluang latihan mengenai perkara ini adalah terhad. Jelas Puan Maziah:

> Kalau kursus perikanan, semua untuk lelaki. Pada hal macam saya, suami saya kerja. (Apabila) ikan mati-mati di rumah, entah apa sakit peningnya, kita yang di rumah yang perlu menguruskannya.

Oleh kerana suaminya bekerja sepenuh masa, Puan Maziah, seperti juga beberapa wanita lain di Perlok, mengusahakan sendiri projek ikan air tawar. Walaupun beliau terpaksa menangani masalah berhubung dengan usaha ini, Puan Maziah tidak berpeluang mengikuti kursus berkaitan dengan pemeliharaan ikan kerana kursus tersebut cuma terbuka kepada golongan lelaki.

Golongan wanita di Perlok lebih berpeluang mengikuti latihan bukan berkaitan dengan pertanian, seperti penyediaan dan pemprosesan makanan. Kajian ini menunjukkan peluang latihan dalam bidang pertanian bagi golongan wanita adalah terhad. Dapatan ini adalah konsisten dengan dapatan Airmy *et.al.* 1991, serta Vanaja dan Mazanah, 1996. Mengikut tiga orang informan wanita, oleh kerana mereka juga terlibat dalam menjalankan aktiviti pertanian, mereka ingin turut diberi peluang belajar perkara berkaitan dengan teknologi pertanian. Perkara ini telah dicadangkan kepada pihak berkenaan:

> ... (tentang) wanita tak dihantar (kursus dan lawatan) tu, selalu saya cadangkan, saya kata sebab apa, petani bukan laki-laki aje. Petani termasuk kita wanita ni. Dia (lelaki) pergi menoreh getah, kita (wanita) pun menoreh juga. Macam tanam padi, petani lelaki tanam padi, isteri dia orang ikut juga (tanam padi), menghempas padi ke, apa ke, tanam pisang ke, sayur ke, semua (aktiviti pertanian) isteri masing ñ masing pergi. Tapi masa buat lawatan, perempuan tak ada langsung nama! (Puan Maziah)

JADUAL 5
Persepsi responden tentang gender majoriti peserta latihan
(bagi empat kursus/lawatan yang telah responden hadiri)

Gender majoriti peserta	Kursus/ lawatan 1 (peratus)	Kursus/ lawatan 2 (peratus)	Kursus/ lawatan 3 (peratus)	Kursus/ lawatan 4 (peratus)
Lelaki	100	94.7	100	100
Wanita	0	5.3	0	0

Penyertaan belia dalam latihan

Kesinambungan pembangunan bergantung kepada golongan belia. Majoriti (52.4%) responden melaporkan anakñanak mereka yang remaja (golongan belia) juga pernah menghadiri kursus dan lawatan yang di anjurkan oleh IADP. Sebagai generasi pelapis yang bakal mengambil alih peranan ibu-bapa mereka, adalah wajar golongan ini dibekalkan dengan sikap, pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian.

Jenis latihan yang diikuti

Latihan yang dihadiri responden boleh dikategorikan sebagai kursus pertanian, bukan pertanian dan lawatan. Dari tahun 1985 sehingga tahun 1995, secara keseluruhannya, 74% responden pernah menghadiri kursus pertanian dan 70.5% bukan pertanian (Jadual 6). Responden paling kerap menghadiri kursus yang berkaitan dengan usaha mereka, iaitu bertani. Bagi kategori kursus pertanian, kursus penanaman koko melibatkan paling ramai responden (25.9%). Dapatan ini adalah konsisten dengan status koko sebagai tanaman utama di Perlok.

Bagi kategori kursus bukan pertanian pula, penyertaan paling tinggi (48.1%) ialah di dalam kursus motivasi yang di adakan di Langkawi. Kursus lain yang turut disertai ialah kepemimpinan, keorganisasian dan pengurusan kelompok. Dapatan ini menunjukkan selain daripada perkara berkaitan dengan teknologi pertanian, aspek pengurusan juga diberi perhatian. Dapatan ini adalah selaras dengan dapatan Ghazali *et. al.* 1992.

Keupayaan seseorang untuk membangun diri dan masyarakat adalah mustahak. Aspek ini

diberi penekanan melalui kursus motivasi. Bagi pembangunan kerohanian, pengetahuan agama yang mendalam diperlukan. Ke arah itu, mengikut informan, kelas agama fardu ain dijalankan pada setiap minggu di masjid. Sekali-sekala, penceramah agama dari luar juga dijemput ke Perlok. Penyertaan penduduk tempatan, terutamanya golongan tua dalam aktiviti keagamaan adalah menggalakkan.

Aktiviti lawatan sambil belajar pula telah disertai oleh 48.3% responden. Lawatan tersebut adalah berkaitan dengan projek, seperti projek pertanian di Negeri Sembilan dan Melaka dan projek lembu di Kluang. Lawatan adalah penting untuk memberi pendedahan dan menarik minat peserta tentang teknologi dan amalan baru (Van Den Ban dan Hawkins, 1988).

Mengapa penduduk menyertai latihan dan apakah manfaat diperolehi?

Majoriti responden (70.6%) menyertai kursus dan lawatan atas keinginan untuk mendapatkan pengetahuan (Jadual 7). Ini mencerminkan mereka mempunyai dorongan untuk membangun diri.

JADUAL 7
Sebab responden menyertai kursus dan lawatan

Sebab	Peratus
Ingin dapat pengetahuan	70.6
Galakan dari pegawai agensi	19.6
Arahan dari pegawai agensi	7.8
Mengikut kawan	2.0

Kesemua responden mendapati kursus dan lawatan yang mereka sertai berguna bagi mereka. Majoriti (87.8%) mengamalkan syor-syor diberikan. Keseluruhanya, responden mendapati kursus yang diikuti berguna bagi mereka untuk menjalankan kehidupan seharian, baik bagi mengusahakan projek (seperti koko dan pisang) atau sebagai ahli/pemimpin keluarga/masyarakat. Persepsi positif responden terhadap kursus yang telah mereka hadiri adalah seperti dalam Jadual 8.

JADUAL 6
Senarai kursus dan lawatan responden dalam tempoh sepuluh tahun

Kategori	Tajuk	Peratus*
Kursus pertanian	Kursus penanaman koko	25.9
	Kursus buah-buahan	14.1
	kursus penanaman sayuran	11.1
	Kursus ternakan ikan air tawar	7.4
	Kursus pengurusan ladang	7.4
	Kursus memandu traktor	3.7
	Kursus pemprosesan koko	3.7
Jumlah		74.0
Kursus bukan pertanian	Kursus motivasi	48.1
	Kursus kepemimpinan	7.4
	Kursus keorganisasian	3.7
	Kursus kraftangan	3.7
	Kursus pengurusan kelompok	3.7
	Kursus usahawan	3.7
Jumlah		70.5
Lawatan	Lawatan ke Pulau Pinang dan Kedah	18.5
	Lawatan ke projek lembu di Kluang	14.8
	Lawatan ke Negeri Sembilan dan Melaka	11.1
	Lawatan ke projek tanaman salak	3.7
Jumlah		48.3

* peratus tidak boleh dicampur disebabkan responden menjawab lebih daripada sekali

JADUAL 8
Pendapat responden tentang manfaat kursus

Kenyataan	Setuju (%)
Kursus menambah minat untuk menjalankan projek	100
Kursus menambah pengetahuan tentang cara menjalankan projek	100
Kursus meningkatkan kemahiran cara menjalankan projek	96.3
Kursus memberikan saya kesangupan untuk menjalankan projek	100
Kursus membuatkan saya lebih melibatkan diri dalam aktiviti kelompok	77.8
Kursus memberi kesedaran tentang tannggungjawab saya kepada keluarga	96.3
Kursus memberi kesedaran tentang tannggungjawab saya kepada masyarakat	96.3
Kursus memberi kemahiran kepimpinan kepada saya	81.5

Informan juga berpendapat kursus telah memberi kesedaran, pengetahuan dan kemahiran kepada mereka. Berikut diperturun sedutan temu bual untuk menggambarkan manfaat latihan daripada perspektif informan:

Encik Din mengenai Kursus Pentadbiran:

> ...kursus ini hasilnya ialah kesedaran. Kesedaran bagi diri sendiri tentang keadaan kita hari ini. Jadi (pada) pandangan saya, kursus yang semacam ini memanglah baik.

Encik Abu mengenai Kursus Pembangunan Insan:

> Kursus Pembangunan Insan itu menyedarkan diri kita. Hendaklah kita ada kesabaran dan percaya pada diri kita sendiri akan kebolehan diri kita sendiri. Misal kata, kalau kita tak percaya diri kita sendiri, orang kata tanam koko mendatangkan hasil, kita tak percaya kita boleh tanam koko, maka tak jadilah (kita menanam koko).

Encik Badrul mengenai Kursus Kepimpinan:

> Cuba kalau saya tak ada pengalaman kursus. Kalau saya dilantik orang mempengerusikan majlis, mungkin saya tak boleh bercakap.

Penyelidik telah memerhati sekumpulan (lapan orang) wanita menyediakan sos cili untuk jualan. Mengikut mereka, teknik pemerosesan dipelajari daripada pegawai Jabatan Pertanian. Bukti ini menunjukkan melalui pengetahuan dan kemahiran baru, suri rumah di Perlok berjaya menjadikan aktiviti pemprosesan makanan sebagai punca pendapatan sambilan.

Apa yang dipelajari daripada sesuatu kursus dan lawatan dimanfaatkan juga oleh orang lain. Contohnya, Encik Badrul telah memanjangkan apa yang dipelajarinya kepada keluarganya:

> Apa yang saya perolehi daripada ceramah (agama yang diikutinya), yang penting dan yang saya ingat, saya bawa dan beritahu isteri saya. Dengan anak-anak pula saya pesan, 'tengok tadi dekat ceramah tadi apa hukumnya orang tak sembahyang.' Tiap-tiap saya keluar, begitulah saya akan sampaikan kepada isteri dan anak-anak.

Penyelidik juga telah mengamati satu situasi di mana, melalui satu kursus seorang petani dapat berkongsi apa yang telah dipelajari olehnya dengan petani lain. Kursus Menyimpan Rekod Ladang ini telah dikendalikan oleh Encik Nasir, seorang petani maju di Perlok. Encik Nasir sendiri belajar menyimpan rekod ladang daripada seorang pegawai pertanian. Beliau mengamalkan apa yang dipelajarinya. Daripada penelitian penyelidik, buku rekod ladang Encik Nasir disimpan dengan sistematik dan terperinci. Mengikut beliau, dia dapat mengusahakan kebunnya dengan baik berpandukan syor-syor yang dipelajari daripada latihan dan khidmat nasihat yang diterimanya. Di atas keyakinannya, beliau bersedia berkongsi pengalaman dan memberi bimbingan kepada petani lain di Perlok. Antara yang dibimbingnya ialah beberapa orang anak muda tempatan.

Kebanyakan (64.7%) responden menyatakan ada tindakan susulan selepas kursus seperti pegawai melawat projek yang petani jalankan, memberi maklum balas, dan memberi tunjuk ajar lanjutan (Jadual 9). Tindakan susulan yang diambil oleh pegawai menyumbang ke arah keberkesanan dan kemanfaatan latihan.

JADUAL 9
Tindakan susulan oleh pegawai selepas responden mengikuti kursus

Tindakan	Peratus
Tidak ada tindakan susulan	35.3
Melawat ke projek	23.5
Memberi maklum balas	19.6
Memberi tunjuk ajar lanjutan	19.6
Bagi input untuk jalankan projek	19.6

Sesuatu latihan memberi pendedahan kepada peserta tentang idea atau amalan baru. Masa yang panjang diperlukan untuk seseorang memahami dan seterusnya mengamalkan syor tersebut dengan baik. Proses ini memerlukan tunjuk ajar yang berlanjutan. Tunjuk ajar ini berlaku dalam pelbagai bentuk seperti lawatan ke projek yang dijalankan oleh peserta. Seterusnya, semasa peserta sendiri cuba mengamalkan sesuatu syor, beliau mungkin menghadapi sesuatu masalah. Jika beliau terus dibimbing dan diberi maklum balas di peringkat ini, proses pembelajaran akan lebih berkesan (Mazanah, 1987). Lawatan susulan yang kerap juga memupuk perhubungan baik antara penduduk dengan pegawai agensi.

Apakah saranan lanjut kepada usaha ini?

Majoriti responden (85.2%) melaporkan mereka masih memerlukan latihan di masa akan datang. Jadual 10 menunjukkan senarai kursus yang diperlukan oleh responden (yang melaporkan masih memerlukan kursus). Lebih ramai responden (60.8%) memerlukan kursus bukan pertanian berbanding dengan kursus pertanian. Hampir 19% penduduk di sini menternak ikan air tawar. Walau bagaimanapun, tidak ramai daripada yang terlibat berjaya mendapat keuntungan daripada usaha ini. Di samping masalah mendapatkan benih ikan, mengikut informan, penternak kurang pengetahuan dan kemahiran menguruskan usaha ini.

Hasil pertanian boleh diproses. Oleh itu kursus pascatuai seperti pemprosesan makanan adalah bersesuaian bagi penduduk Perlok. Untuk mengekalkan pembangunan, pertanian perlu dipelbagaikan. Pengetahuan dan kemahiran mengenai perniagaan, kraftangan dan sebagainya dapat menyediakan penduduk menceburi usaha lain daripada pertanian. Beberapa orang penduduk telah mula berniaga dan melibatkan diri dalam projek membuat kraftangan daripada rotan.

Di samping kursus berhubung dengan aktiviti sumber pendapatan, kursus lain seperti kursus agama dan kepemimpinan juga masih diperlukan oleh 21.7 % responden. Dapatan ini menunjukkan kesedaran penduduk tentang keperluan ilmu yang boleh menyumbang kepada pembangunan yang menyeluruh; merangkumi aspek ekonomi dan sosial, serta jasmani dan rohani.

Bagi belia pula, responden mencadangkan golongan ini masih perlu dilatih dalam bidang

JADUAL 10
Kursus yang masih diperlukan oleh responden

Kategori kursus	Jenis kursus	Peratus
Pertanian	Kursus ternakan ikan	13.0
	Kursus tanaman & cantuman buah-buahan	13.0
	Kursus penanaman koko	8.7
	Kursus penanaman salak	4.3
Jumlah		39.0
Bukan Pertanian	Kursus keagamaan	13.0
	Kursus kepimpinan	8.7
	Kursus perniagaan	8.7
	Kursus kraftangan	8.7
	Kursus pemprosesan makanan	8.7
	Kursus pengurusan koperasi	8.7
	Kursus perakaunan	4.3
Jumlah		60.8

pertanian, perniagaan, mekanik, kraftangan, Bahasa Inggeris, kepemimpinan, dan keugamaan. Mengikut responden, antara sebab kursus tersebut perlu bagi belia ialah supaya golongan ini dapat menjalankan projek yang diusahakan dengan jaya dan menjamin masa depan mereka (Jadual 11). Secara keseluruhanya, dapatan ini menunjukkan penduduk sedar keperluan golongan pelapis dibekalkan dengan ilmu dan kemahiran supaya mereka dapat mengambil alih aktiviti pertanian yang sedang diusahakan oleh penduduk sekarang, meceburi bidang baru seperti perniagaan, memberi kepimpinan kepada generasi akan datang, dan mempertahankan budaya hidup yang sedang diamalkan.

Jadual 11 juga memaparkan sebab utama mengapa responden sendiri masih memerlukan kursus. Rasional yang diberikan oleh responden menunjukkan mereka sedar tentang keperluan belajar bagi memenuhi keperluan menjalankan tanggung jawab diri (contohnya menjalankan projek) keluarga dan masyarakat. Houle (1961) mengklasifikasi pelajar dewasa yang belajar bermotif memenuhi keperluan sendiri sebagai pelajar berorientasi matlamat.

Sebagai rumusan, keperluan penduduk Perlok untuk terus menimba ilmu dapat dilihat dari kenyataan Encik Alias:

> Saya kalau tentang ilmu ini, saya tak pernah cukup. Kalau ada apa-apa tawaran, baik dari segi rumah, ekonomi, kerohanian, kesenian, dan sebagainya. Nabi pun kata "tuntutlah ilmu sampai ke Negeri Cina". Sebab ilmu ini (adalah) bagaikan lautan yang tak bertepi. Jadi kalau kita rasa setakat mana ilmu yang kita dah perolehi itu dah cukup, saya rasa belum mencukupi.

Keperluan sedemikian adalah menggalakkan. Keperluan untuk belajar yang datang sendiri dari mereka yang terlibat memberi lebih potensi untuk kejayaan.

KESIMPULAN

Berasaskan dapatan kajian, beberapa kesimpulan dapat di buat:

Pertama, pihak IADP, agensi utama yang bertanggung jawab dalam pembangunan di Kampung Perlok telah menganjurkan pelbagai kursus dan lawatan kepada peserta supaya mereka dapat memainkan peranan aktif dalam pembangunan. Sikap, pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian yang boleh diperolehi menerusi latihan merupakan elemen penting pembangunan dan keberkekalannya (Human Development Report, 1992). Oleh itu latihan merupakan pelaburan jangka panjang ke arah ini.

Kedua, penduduk sedar akan perlunya sikap, pengetahuan dan kemahiran yang bersesuaian bagi membolehkan mereka berfungsi dengan berkesan. Oleh yang demikian, mereka telah mengambil peluang mengikuti latihan yang ditawarkan.

Ketiga, penduduk telah mendapat manfaat daripada latihan yang diterima. Untuk memastikan apa yang dipelajari dapat diamalkan, tindakan susulan telah diambil oleh pegawai agensi. Lawatan susulan mempertingkat keberkesanan dan kemanfaatan latihan.

Keempat, di samping teknologi pertanian, penduduk juga dilatih mengenai perkara yang berhubung dengan pembangunan sumber manusia dan pengurusan. Perkara tersebut adalah perlu untuk menjamin pembangunan secara menyeluruh dan seimbang.

Kelima, walaupun golongan wanita turut terlibat dalam mengusahakan projek pertanian, peluang latihan mengenai perkara ini kepada mereka adalah terhad.

Keenam, latihan dan bimbingan yang diberikan kepada golongan belia menyediakan generasi pelapis ini untuk terus menyambung usaha pembangunan di Perlok.

JADUAL 11
Perspektif responden tentang sebab utama kursus di rasakan perlu

	Sebab	Peratus
Bagi golongan belia (n=14)	Menjalankan projek/tugas dengan baik	28.6
	Menjamin masa depan	21.4
Bagi responden sendiri (n=23)	Menjalankan projek/perniagaan dengan baik	65.2
	Mempertingkat kebahagian keluarga/masyarakat	8.7

Ketujuh, walaupun telah diberi pelbagai kursus dan lawatan, penduduk sedar masih ada ruang lingkup bagi mereka memperbaiki diri. Mereka masih ingin belajar perkara yang boleh menyumbang kepada peningkatan ekonomi dan sosial.

Kelapan, latihan merupakan usaha pembangunan sumber manusia Kampung Perlok. Wujudnya peluang latihan yang secara keseluruhannya dimanfaatkan oleh penduduk, dan kesediaan mereka untuk terus belajar menunjukkan Perlok berpotensi untuk terus membangun.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh Universiti Putra Malaysia melalui gran penyelidikan. Penulis mengucapkan terima kasih kepada Puan Wan Fauziah Wan Yusoff dan Encik Mustaffa Wan Ali yang telah membantu dalam penyelidikan dan penyediaan awal artikel ini. Kami juga menghargai kerjasama yang diberikan oleh pegawai-pegawai IADP Pahang Barat dan informan serta responden kajian.

RUJUKAN

AIRMY JOHARI, HUSNA SULAIMAN, JARIAH MASUD, MAZANAH MUHAMAD, MASITAH YATIM dan RUMAYA JOHARI. 1991. Report of case study on the integration of productive roles of women in rural and agricultural development in Jelebu, Negeri Sembilan, Malaysia. Projek biayaan FAO dan Kerajaan Malaysia.

ALBERTSON, M.L., E.F. SHINN dan M. SHINN. 1993. A model and pilot project for third –world village development. Dalam *Proceedings of the International Conference on Sustainable Village Based Development,* ed. Albertson. M. dan Shinn, M. xx-xv. Fort Collins, Colorado: Colorado State University.

BOGDAN, R. C. dan S. K. Biklen. 1982. *Qualitative Research for Education: An Introduction to Theory and Methods.* Boston: Allyn and Bacon.

BURGESS, R. G. 1985. *In the Field, An Introduction to Field Research.* Boston: George Allen and Unwin.

JOHNSTON, W. B. dan A. H. PARKER. 1987. *Workfroce 2000: Work and Workers for the 21st Century.* Indinapolis: Hudson Institute.

HOULE, C. O. 1961. *The Inquiring Mind.* Madison: University of Wisconsin Press.

KERAJAAN MALAYSIA. 1996. *Rancangan Malaysia ke Tujuh, 1996-2000.* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

MARSHALL, C. dan G.B. ROSSMAN. 1989. *Designing Qualitative Research.* Newbury Park: Sage Publications.

MERRIAM, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education.* San Francisco: Jossey Bass.

MAZANAH MUHAMAD. 1987. Ralph W. Tylerís perspectives on designing and facilitating adult learning. Disertasi Ph.D. , North Carolina State University, Raleigh.

MAZANAH MUHAMAD dan KAMARUZZAMAN Hj. ALIAS. 1988. Pendidikan berterusan dalam konteks Jabatan Pertanian. Kertas dibentangkan di *Seminar Kebangsaan Pendidikan Berterusan,* Universiti Sains Malaysia, 24-26 Ogos, 1988.

MAZANAH MUHAMAD dan SAIDIN TEH. 1996. Beberapa Petunjuk Pembangunan Mampan. Dalam *Rakan Kongsi, Komunikasi dan Media dalam Pembangunan,* ed. Mazanah Muhamad dan Ezhar Tamam, ms. 133 – 150. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.

MOHD. GHAZALI MOHAYIDIN, SAIDIN TEH, ROSLI MUHAMAD, MAD NASIR SHAMSUDIN, JINAP SELAMAT, EDDIE CHIEW FOOK CHONG, ABD. HALIM HASHIM, MOHD. IDRIS ZAINAL ABIDIN, FAUZIAH ABU HASSAN, MAZANAH MUHAMAD dan KHAIRUDDIN IDRIS. 1992. Impek pemindahan teknologi koko di kalangan pekebun kecil. Projek biayaan Kementerian Pertanian Malaysia dan Universiti Pertanian Malaysia.

SAIDIN TEH, MAZANAH MUHAMAD, DEREK SHEPHERD, MOHAMMAD SALLEH dan WAN FAUZIAH WAN YUSOFF. 1993. Development Sustainability Through Villager Participation: A Malaysian Case. Dalam *Proceedings of the International Conference on Sustainable Village-Based Development,* ed. Albertson. M. dan Shinn, M., ms. 2265-2278. Fort Collins, Colorado: Colorado State University.

SIEDMAN, I.E.1991. *Interviewing as Qualitative Research: A Guide for Researchers in Education and the Social Sciences.* New York: Teachers College Press.

JORGENSEN, D.L.1989. *Participant Observation: A Methodology for Human Studies.* London: Sage Publications.

UNITED NATIONS DEVELOPMENT PROGRAMME. 1992. Human Development Report 1992. Oxford: Oxford University Press.

VANAJA, B. dan MAZANAH MUHAMAD. 1995. Akses Wanita kepada Latihan di Sektor Pekebun Kecil Getah. Dalam *Rakan Kongsi, Komunikasi dan Media dalam Pembangunan*, ed. Mazanah Muhamad dan Ezhar Tamam, ms. 33 – 54. Serdang: Penerbit Universiti Pertanian Malaysia.

VAN DEN BAN, A. W. dan H. S. HAWKINS. 1988. *Agricultural Extension.* Essex: Longman Scientific & Technical.

WALKER, R. 1985. (ed.) *Applied Qualitative Research.* Vermont: Gower.

(Diterima 5 Mei 1998)